



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 02 Oktober 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BI L	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	KPWKM Ambil Pelbagai Inisiatif Pastikan Warga Emas Meniti Usia Dengan Bermaruah https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/01/kpwkm-ambil-pelbagai-inisiatif-pastikan-warga-emas-meniti-usia-dengan-bermaruah https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1305312/warga-emas-di-malaysia-dipastikan-meniti-usia-dengan-bermaruah https://thesun.my/local-news/various-initiatives-to-ensure-senior-citizens-age-with-dignity-nancy-PE13064931	Utusan Borneo Berita Harian The Sun	Neutral
2.	Dua PPS Ditutup Di Kedah, Mangsa Banjir Di Perak Sedikit Meningkat https://www.sinarharian.com.my/article/688657/berita/semasa/dua-pps-ditutup-di-kedah-mangsa-banjir-di-perak-sedikit-meningkat https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2346782 https://www.buletintv3.my/nasional/tiga-pps-di-kedah-ditutup-namun-mangsa-di-baling-meningkat/ https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/10/1305284/mangsa-banjir-di-baling-meningkat-tapi-jumlah-keseluruhan-di-kedah	Sinar Harian Bernama Buletin TV3 Berita Harian	Neutral

3.	<p>Tahap Mental Kanak-Kanak Rumah Amal GISBH Dinilai – Dr Dzulkefly</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/10/01/tahap-mental-kanak-kanak-rumah-amal-gisbh-dinilai-dr-dzulkefly/#google_vignette</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/kkm-sedang-menilai-tahap-mental-kanak-kanak-dari-rumah-amal-gisbh/#google_vignette</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kkm-nilai-tahap-kesihatan-mental-kanakkanak-gisb-489982</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1139703/kkm-nilai-tahap-kesihatan-mental-kanak-kanak-diselamatkan-dari-rumah-amal#google_vignette</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/688587/berita/semasa/kkm-sedang-menilai-tahap-kesihatan-mental-kanak-kanak-gisbh</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/10/01/kkm-kenal-pasti-keseriusan-kesihatan-mental-kanak-kanak-gisbh/</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/kesihatan-mental-kanak-kanak-gisbh-dalam-penilaian-kkm/</p>	<p>Kosmo</p> <p>Utusan</p> <p>Astro Awani</p> <p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral
4.	<p>Bapa Hilang Selepas Keluar Rumah</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bapa-hilang-selepas-keluar-rumah-489943</p>	Astro Awani	Neutral
5.	<p>Nasib Dan Masa Depan OKU Akan Terus Dijaga</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1305363/nasib-dan-masa-depan-oku-akan-terus-dijaga</p>	Berita Harian	Neutral
6.	<p>Nenek Gelandangan Selepas Dihalau Keluarga Diselamatkan</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/10/01/nenek-gelandangan-selepas-dihalau-keluarga-diselamatkan/</p>	Malaysia Gazette	Neutral

7.	Wanita Jangan Letakkan Had Untuk Capai Impian https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2024/10/1305162/wanita-jangan-letakkan-had-untuk-capai-impian	Berita Harian	Neutral
8.	Kepala Air: 2 Beranak Terperangkap 5 Jam Atas Bumbung https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/10/1139699/kepala-air-2-beranak-terperangkap-5-jam-atas-bumbung	Harian Metro	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

KPWKM AMBIL PELBAGAI INISIATIF PASTIKAN WARGA EMAS MENITI USIA DENGAN BERMARUAH

KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) komited dan sentiasa mengambil pelbagai inisiatif dalam memastikan warga emas di Malaysia meniti usia dengan bermaruah.

Menteri berkenaan Datuk Seri Nancy Shukri (*gambar*) berkata ia selaras dengan Dasar Warga Emas Negara iaitu mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri.

“Saya ingin mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada agensi kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan, persatuan warga emas serta semua pihak yang turut sama terlibat dalam menyediakan perkhidmatan kepada warga emas dari aspek penjagaan dan apa jua bentuk sokongan demi mengangkat maruah warga emas.

“Begitu juga kepada anak-anak yang menjaga ibu bapa warga emas sama ada yang masih sihat atau yang sedang uzur, anda juga merupakan sebahagian daripada sistem sokongan sosial yang amat penting,” katanya dalam klip video yang dikongsikan menerusi Facebook KPWKM sempena Hari Warga Emas Peringkat Kebangsaan 2024 hari ini.

Hari Warga Emas disambut pada 1 Oktober setiap tahun bagi mengiktiraf jasa dan sumbangan warga emas ke arah pembangunan negara dan bangsa dengan tema tahun ini adalah ‘Penuaan Bermaruah: Memperkukuh Sistem Penjagaan dan Sokongan Warga Emas’.

Nancy berkata semua pihak harus menyantuni dan memberikan kehidupan selesa kepada warga emas atas jasa dan peranan penting yang telah ditabur sepanjang usia mereka.

Beliau berkata berdasarkan statistik dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, peratus warga emas bagi suku tahun kedua 2024 adalah 11.6 peratus atau 3.9 juta orang daripada jumlah penduduk Malaysia.

“Dari segi jangka hayat penduduk pula, Malaysia mencatatkan peningkatan jangka hayat kepada 74.8 tahun pada 2023 berbanding 63.6 tahun pada 1970. Peningkatan jangka hayat ini merupakan petunjuk jelas bahawa negara kita akan berhadapan dengan penuaan penduduk menjelang 2030,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pertahanan Adly Zahari dalam hantaran menerusi Facebook berkata warga emas adalah aset yang berharga kepada negara kerana pengalaman hidup mereka merupakan suatu hikmah dan pelajaran kepada generasi muda hari ini.

“Mereka telah melalui pelbagai cabaran hidup, perubahan sosial, kemajuan teknologi dan ekonomi, menjadikan mereka adalah guru yang tak ternilai bagi generasi muda hari ini.

“Justeru, warga emas perlu diberi perhatian khusus dari segi penjagaan dan sokongan, baik secara fizikal mahupun emosi, agar mereka merasa dihargai dan dapat menjalani kehidupan yang lebih berkualiti,” katanya yang turut mengucapkan Selamat Menyambut Hari Warga Emas 2024. - BERNAMA

DUA PPS DITUTUP DI KEDAH, MANGSA BANJIR DI PERAK SEDIKIT MENINGKAT

KUALA LUMPUR - Keadaan banjir di Kedah beransur pulih dengan dua pusat pemindahan sementara (PPS) di daerah Kubang Pasu ditutup petang ini, manakala di Perak jumlah mangsa banjir sedikit meningkat dengan hujan masih berlaku di beberapa kawasan.

Di Kedah, tiga daerah masih terjejas banjir dan jumlah mangsa setakat 4 petang tadi menurun kepada 1,148 orang daripada 373 keluarga berbanding 1,373 orang daripada 457 keluarga pagi tadi.

Menurut laporan Info Bencana daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pokok Sena masih mencatatkan jumlah mangsa tertinggi iaitu 466 orang daripada 148 keluarga masih berlindung di PPS Surau Desa KEDA Derang, Maahad Tarbiyah Islamiyah Derang, Dewan Serbaguna Pokok Sena, SK Bukit Hijau Mukim Derang dan Masjid Kampung Baru Jalan Lampam.

Kota Setar pula menyaksikan seramai 419 orang daripada 130 keluarga masih ditempatkan di PPS SK Titi Gajah, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kepala Batas dan SMK Alor Merah.

Di Baling pula, satu lagi PPS dibuka petang ini menjadikan keseluruhan lima PPS dibuka di daerah itu iaitu di SK Tanjung Pari, SK Siong, SK Malau, SK Seri Bayu dan Dewan Orang Ramai Banggol Derom, menempatkan 263 orang daripada 95 keluarga.

Sementara itu, berdasarkan laman web Public Infobanjir Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Sungai Anak Bukit di Taman Aman, Sungai Anak Bukit di Jambatan TAR dan Sungai Kedah di Jambatan Lebuhraya, Kota Setar, telah melepasi paras bahaya.

Di Perak pula, Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri memaklumkan jumlah mangsa banjir di negeri itu sedikit meningkat kepada 16 orang daripada lima keluarga berbanding sembilan mangsa daripada empat keluarga pagi tadi.

Kesemua mangsa dari Kampung Batu 20 dan Kampung Baru, Kuala Dipang serta Kampung Pulau Pisang, Malim Nawar itu masih ditempatkan di PPS Dewan Serbaguna Dato Azman Mahalan dalam daerah Kampar.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) meramalkan hujan akan berlaku di semua daerah di Perak malam ini kecuali di Bagan Datuk dan Muallim. - Bernama

BAPA HILANG SELEPAS KELUAR RUMAH

ORANG HILANG

TOLONG CALL KAMI JIKA
TERJUMPA PAKCIK SURIA INI :
0178870104 / 0173795024



MELAKA TENGAH: Seorang wanita merayu orang ramai untuk membantu mencari bapanya yang hilang selepas keluar dari rumahnya di Bukit Katil di sini, sejak awal pagi semalam.

Wanita yang hanya mahu dikenali Farah berkata, berdasarkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) jirannya, bapanya Suriatuddin Maliki, 68, yang juga pesara kerajaan, dilihat keluar rumah kira-kira pukul 5.50 pagi Isnin.

“Biasanya ayah akan keluar rumah selepas solat Subuh untuk 'berjogging' dan akan pulang semula 30 minit selepas itu dan kalau diikutkan pagi semalam juga, ayah ada janji temu doktor untuk ambil ubat sakit jantung, kencing manis dan darah tinggi.

“Ada maklumat daripada orang ramai yang mengatakan ayah juga ada meminta bantuan peniaga di situ menempah perkhidmatan e-hailing untuk ke Melaka Sentral kerana mahu ke Kluang, Johor,” katanya ketika dihubungi di sini.

Mengulas lanjut anak bongsu daripada dua beradik itu berkata, terdapat juga rakaman CCTV terakhir sekitar pukul 8 hingga 8.20 pagi daripada kedai berhampiran yang terlihat ayah membawa beg silang berwarna hitam, memakai baru-T warna biru dan seluar hitam.

“Kalau betul ayah naik bas ke Kluang, saya pelik kerana sudah 10 tahun kami tidak pulang ke kampung di Kluang itu setelah datuk meninggal dunia, malah tiada lagi saudara mara kami pulang ke sana.

“Saya juga telah membuat laporan polis di Balai Polis Tiang Dua semalam kerana kami bimbang akan keselamatannya lebih-lebih lagi ayah pernah diserang strok menyebabkan pertuturannya sukar difahami selain kadang kala mempunyai masalah ingatan dan pendengaran,” katanya.

Tambah Farah, ketika keluar rumah, ayahnya ada membawa sedikit wang tunai, kad ATM dan telefon bimbit namun tidak mempunyai sim kad menyebabkan pihak polis tidak dapat mengesan kedudukannya.

“Orang ramai yang mempunyai maklumat boleh hubungi balai polis terdekat atau saya di nombor 017-8870104 atau kakak, 017-3795024,” tambahnya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Christopher Patit ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan Orang Hilang (OH) berkenaan.

NASIB DAN MASA DEPAN OKU AKAN TERUS DIJAGA

SEREMBAN: Kerajaan MADANI komited untuk memastikan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) di negara menerima sokongan sewajarnya untuk mereka membina kehidupan yang lebih baik dan dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Dr Zulkifli Hasan, berkata pelbagai inisiatif dan sumbangan disediakan oleh kerajaan bagi memastikan kebajikan serta kualiti hidup OKU terjamin.

Katanya, kerajaan juga melancarkan Pelan Tindakan Agensi Agama Bagi Orang Kurang Upaya Muslim 2024-2028 sebagai langkah untuk memastikan kebajikan dan hak OKU sentiasa dijaga.

"Pelan ini dibangunkan dengan objektif agar dapat memperkasakan OKU Muslim dalam menikmati peluang serta akses dalam pembangunan negara selaras dengan prinsip Maqasid Syariah.

"Namun, ingin saya tegaskan bahawa usaha memperkasakan OKU bukan hanya terletak di bahu kerajaan, tetapi memerlukan kerjasama pelbagai pihak, sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO), institusi pendidikan dan masyarakat.

"Kita perlu mengubah persepsi dan mentaliti dari hanya melihat golongan OKU sebagai penerima bantuan kepada menghargai mereka sebagai individu yang berpotensi besar untuk menyumbang kepada pembangunan negara," katanya.

Beliau berucap merasmikan Majlis Penutup Seminar Emansipasi Orang Kurang Upaya (OKU) Zon Selatan 2024, di Pusat Dakwah Islamiah Paroi, di sini, hari ini.

Seminar julung kali itu anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan

(JHEAINS) itu disertai kira-kira 200 peserta.

Seminar bertujuan mewujudkan kecaknaan dan kesedaran terhadap isu OKU.

Zulkifli berkata, kerajaan akan memberi fokus kepada lima teras strategik bagi tempoh lima tahun dengan mengambil kira kepentingan dan masalah komuniti OKU dari sudut Islam dan bidang kuasa JAKIM.

"Tumpuan kita adalah untuk meningkatkan pengurusan OKU secara komprehensif sebagai seorang Muslim," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, data dikeluarkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada 2023, terdapat tujuh kategori OKU membabitkan 637,537 orang yang

berdaftar dengan jabatan itu.

"Ini menunjukkan bahawa 1.87 peratus daripada jumlah keseluruhan jumlah penduduk negara ini yang sudah mencecah 34 juta orang adalah terdiri daripada OKU,"

katanya.

NENEK GELANDANGAN SELEPAS DIHALAU KELUARGA DISELAMATKAN

JOHOR BAHRU – Seorang wanita warga emas gelandangan diselamatkan orang ramai selepas dipercayai dihalau ahli keluarganya sebelum dibawa ke Pusat Jagaan Warga Emas Nur Ehsan di sini.

Jorih Abdul Hamid, 85, diselamatkan pada Jumaat lalu ketika berjalan seorang diri dalam cuaca panas di tepi jalan kawasan Kempas di sini sebelum diserahkan ke Balai Polis Kempas.

Anggota balai polis terbabit kemudian merujuk warga emas tersebut ke pusat jagaan berkenaan.

Pegawai operasi Pusat Jagaan Warga Emas Nur Ehsan, Mohamad Saifullah Zolkanain berkata, wanita itu menyatakan sebelum ini pernah tinggal bersama-sama anak keduanya di Taman Bukit Kempas.

“Kami difahamkan pihak polis membawa warga emas itu ke rumahnya mengikut alamat dalam kad pengenalan.

“Namun rumah berkenaan berkunci dan beberapa beg pakaian wanita itu diletakkan di luar rumah.

“Kami difahamkan anggota polis mengambil semua beg milik wanita itu ke balai polis untuk tindakan selanjutnya,” katanya kepada pemberita.

Mohamad Saifullah berkata, pihak polis menghubungi pusat jagaan tersebut bagi memohon bantuan penempatan sementara untuk warga emas itu.

Katanya, warga emas itu memaklumkan sudah kematian suami yang sebelum ini merupakan bekas pesara kerajaan.

“Dia masih waras, sihat tubuh badan dan mampu mengurus diri sendiri serta menyatakan dia memiliki tiga cahaya mata.

“Dia bagaimanapun tidak menunjukkan minat untuk pulang ke pangkuan keluarga dan menyatakan mahu tinggal di rumah kebajikan,” katanya.

Pihaknya berharap waris warga emas itu tampil ke pusat jagaan berkenaan bagi membincangkan berkaitannya.

Tambahnya, orang ramai yang memiliki maklumat berkaitan waris warga emas berkenaan boleh menghubungi kami di talian 072326415.- MalaysiaGazette